

# 96 PELAJAR CEMERLANG TERIMA ANUGERAH

Program Empower Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kuantan serta Pekan, melahirkan seramai 96 pelajar cemerlang bagi peperiksaan awam sesi 2017.

Daripada jumlah itu, seramai 45 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 39 pelajar Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan 12 pelajar menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti) UMP Prof Datuk Dr Ishak Ismail berkata, semua pelajar itu adalah daripada 16 sekolah rendah dan enam sekolah menengah di sekitar Kuantan dan Pekan.

"Pada tahun lalu, seramai 712 pelajar terpilih dalam Program Latihan



**SEBAHAGIAN** pelajar cemerlang bersama Khairuddin (tengah).

Academik Empower ECER di dua daerah ini.

"Daripada jumlah berkenaan, 96 pelajar memperoleh 5A bagi ketiga-tiga peperiksaan," katanya ketika berucap pada Majlis

Kecemerlangan Akademik Juara Empower ECER di UMP, baru-baru ini.

Majlis penyampaian anugerah berkenaan disempurnakan penyandang Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Pulau Manis, Datuk Khairuddin Mahmud.

Hadir sama, Penasihat Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Datin Seri Fazia Ali, Pengurus ECERDC Wilayah Pahang,

Muzarir Karnain Mahmud Kamsani dan Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced, Dr Mohd Rozi Hassan.

Ishak turut berterima kasih kepada ECERDC kerana memberi

kepercayaan kepada UMP dalam melaksanakan program Empower Mahkota sejak sembilan tahun lalu.

"Pelbagai program dilaksanakan bagi mendedahkan pelajar kepada teknik dan kemahiran belajar lebih terkini serta efektif.

"Bagi mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan," katanya.

Sementara itu, Khairuddin berharap program berkenaan dapat diteruskan pada masa akan datang.

"Program seumpama ini harus diteruskan kerana ia secara tidak langsung dapat memberi satu semangat kepada anak didik, ibu bapa dan guru untuk lebih giat memperkasakan bidang akademik serta modal insan," katanya.